

Dr Mahathir nafi dakwaan pernah berjumpa Azilah

BH - 19/12/2019 m/s: 4

PM sangkal kerajaan terbabit pendedahan bekas pegawai polis

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan tidak pernah berjumpa dengan bekas pegawai polis, Cif Inspektor Azilah Hadri sejak dia dipenjarakan selepas disabitkan membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Perdana Menteri turut menafikan pembabitannya kerajaan berhubung pendedahan mengaitkan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak dalam pembunuhan Altantuya yang dibuat Azilah menerusi Akuan Bersumpah (SD), baru-baru ini.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya semalam berkata, penafian itu dibuat selepas ada cubaan untuk mengaitkan Dr Mahathir sebagai orang kenamaan (VVIP) yang berjumpa dengan Azilah, Februari lalu.

“Perkara ini dilaporkan dengan meluas hari ini (semalam), Dr Mahathir menggelengkan kepala sambil tersenyum ketika ditanya sama ada pernah berjumpa



ngan,” katanya.

Kelmarin, Azilah yang ketika kejadian adalah pegawai Unit Tindakan Khas (UTK) memohon supaya perbicaraan kes pembunuhan Altantuya dibicarakan semula.

Dia turut memohon untuk mengetepikan sabitan dan hukuman gantung sampai mati ke atasnya yang diputuskan Mahkamah Persekutuan pada 13 Januari 2015.

Permohonan semakan itu dibuat mengikut Aturan 137 Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.

Azilah, yang menunggu hukuman gantung, membuat penguajuan mengejutkan dalam SD yang diikrarkannya apabila mendakwa Najib mengarahkannya membunuh Altantuya pada 2006.

Dalam SD bertarikh 17 Oktober lalu, dia juga mendakwa Najib yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri, turut mengarahkannya melupuskan mayat wanita terbabit.

Azilah, yang mengikrarkan kandungan SD berkenaan di Penjara Kajang, mendakwa arahan itu diberikan secara lisan ketika bertemu dengan Najib pada 17 Oktober 2006 di Pekan, Pahang.

Dia turut mendakwa menerima arahan supaya mayat Altantuya perlu dihapuskan kerana mangsa didakwa seorang perisik asing yang boleh mengancam keselamatan negara.

Keratan akhbar BH semalam.

dengan Azilah.

“Soalan itu ditanya pada sidang media selepas pelancaran Bandar Malaysia di Putrajaya, semalam (kelmarin),” kata kenyataan itu.

Malah, menurut kenyataan itu terdapat cubaan untuk mengaitkan Dr Mahathir sebagai VVIP yang didakwa bertemu dengan Azilah yang kini menunggu hukuman gantung di Penjara Kajang.

“Kerajaan juga memutuskan supaya pihak berkuasa memuktamadkan tindakan sewajarnya bagi kes ini kerana ia membabitkan proses perunda-

Perkara ini dilapor meluas hari ini (semalam), Dr Mahathir menggelengkan kepala sambil tersenyum ketika ditanya sama ada pernah berjumpa Azilah.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri